

Bahagian A


Jawab semua soalan.

1. Maklumat berikut menunjukkan satu definisi.

Reka bentuk sistem yang menggabungkan elemen elektrik, mekanikal, elektronik, kawalan dan pengaturcaraan untuk mencapai suatu tujuan.

Apakah yang berkaitan dengan definisi tersebut?

- A Reka bentuk pembuatan
 - B Reka bentuk mekanikal
 - C Reka bentuk mekatronik
 - D Reka bentuk dan teknologi
2. Antara berikut, yang manakah ialah teras dalam Revolusi Industri 4.0?
- I Perspektif
 - II Data raya
 - III Realiti terimbuh
 - IV Peranti kawalan
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
3. Rajah di bawah menunjukkan satu komponen dalam sebuah kereta kawalan jauh.



Apakah fungsi utama komponen tersebut?

- A Untuk membekalkan sumber tenaga elektrik
 - B Untuk mengawal halaju dan arah putaran motor AT
 - C Untuk menerima dan menukarkan isyarat input dari alat kawalan jauh
 - D Untuk membantu memudahkan pergerakan kereta kawalan
4. Antara berikut, yang manakah ialah elemen asas kejuruteraan?
- I Sistem elektrik
 - II Sistem simulasi
 - III Sistem mekanikal
 - IV Mikropengawal
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
5. Mengapakah lakaran perkembangan idea perlu dilakukan bagi mengubah suai sesuatu produk mekatronik?
- A Untuk menterjemahkan idea dalam bentuk grafik
 - B Untuk membolehkan arahan pengaturcaraan berjalan dengan lancar
 - C Untuk memudahkan pengguna memasang produk yang diperbaiki
 - D Untuk memberikan isyarat kawalan kepada sistem kawalan
6. Apakah kaedah yang digunakan untuk menilai kefungsiian produk selepas penambahbaikan pada reka bentuk sesuatu produk?
- A Electroplating
 - B Ujian parameter
 - C Gambar rajah blok
 - D Analisis berantai punca-kesan

Reka Bentuk dalam Perniagaan: Reka Bentuk sebagai Instrumen Pemasaran

BAHAGIAN A

3.1 Menyatakan Maksud Pemasaran

1 Aktiviti yang menyalurkan barang dan perkhidmatan daripada pengeluar kepada pengguna adalah...

- A permintaan C pertukaran
B pemasaran D penawaran

2 Dua pihak yang terlibat dalam aktiviti pemasaran adalah...

- I pengeluar III pengusaha
II pengguna IV pembekal
A I dan II C II dan III
B I dan III D III dan IV

3 Pengguna membeli produk untuk kegunaan sendiri.

Pengguna di atas merujuk kepada...

- A pengguna peribadi
B pengguna akhir
C pengguna organisasi
D pengguna isi rumah

3.2 Menerangkan Peranan Reka Bentuk dalam Pemasaran

4 Yang berikut adalah peranan reka bentuk dalam pemasaran kecuali...

- A memenuhi keperluan dan kehendak pengguna
B saluran komunikasi pengeluar kepada pengguna
C menyimpan produk di tempat yang bersesuaian
D mengukuhkan penjenamaan sesuatu produk

5 Pengguna membeli dan menggunakan sesuatu produk untuk memudahkan urusan harian mereka.

Pernyataan di atas merujuk kepada...

- A fungsi produk
B reka bentuk produk
C nilai produk
D trend terkini

6 Yang manakah antara yang berikut merupakan nilai tambah kepada suatu reka bentuk produk?

- I menarik III selesa
II unik IV harga
A I, II, dan III
B I, II, dan IV
C I, III, dan IV
D I, II, III, dan IV

7 _____ terhadap sesuatu produk akan diperoleh apabila pengguna mendapat faedah daripada penggunaannya.

- A Trend
B Output
C Nilai
D Identiti

8 Pemberian jenama kepada sesuatu barang yang dihasilkan.

Pernyataan di atas adalah pengenalan diri produk yang merujuk kepada...

- A dikenali.
B kebolehpercayaan.
C kesetiaan.
D penjenamaan.